

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI KESEDIAAN PERSARAAN DALAM KALANGAN WANITA LEMBAH KLANG

FACTORS INFLUENCING RETIREMENT READINESS AMONG WOMEN IN THE KLANG VALLEY

Nur Amalina Murni Muhamed¹
Hartini Jaafar^{2*}

¹ Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nuramalinamurni18@gmail.com

² Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: hartini@fpe.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article history

Received date : 19-6-2026

Revised date : 20-6-2026

Accepted date : 25-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Muhamed, N. A. M., & Jaafar, H. (2026). Faktor-faktor mempengaruhi kesediaan persaraan dalam kalangan wanita Lembah Klang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (85), 647 – 659.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan persaraan serta faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan persaraan dalam kalangan wanita bekerja di Lembah Klang, Malaysia. Faktor yang dikaji merangkumi celik kewangan, tekanan kewangan, amalan pengurusan kewangan, efikasi sendiri persaraan, dan faktor demografi seperti umur, tahap pendidikan serta pendapatan bulanan responden. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas. Data dikumpulkan melalui soal selidik dalam talian yang diedarkan kepada 384 orang wanita bekerja di Lembah Klang. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan analisis regresi berganda bagi menentukan pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap kesediaan persaraan. Kajian ini berasaskan Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Kecenderungan Merancang, dan Teori Penanggungungan Risiko dan Penggunaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tekanan kewangan, amalan pengurusan kewangan, dan efikasi sendiri persaraan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan persaraan, dengan efikasi sendiri persaraan merupakan peramal yang paling dominan. Sebaliknya, celik kewangan dan pendapatan bulanan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan persaraan. Selain itu, umur dan tahap pendidikan didapati mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan kesediaan persaraan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan persaraan wanita dapat dipertingkatkan melalui pengukuhan amalan pengurusan kewangan, pengurusan tekanan kewangan yang berkesan serta peningkatan efikasi sendiri dalam merancang persaraan.

Kata Kunci: Kesediaan Persaraan, Wanita Bekerja, Lembah Klang, Celik Kewangan, Tekanan Kewangan, Amalan Pengurusan Kewangan, Efikasi Kendiri Persaraan.

Abstract: *This study aims to identify the level of retirement readiness and the factors influencing retirement readiness among working women in the Klang Valley, Malaysia. The factors examined include financial literacy, financial stress, financial management practices, retirement self-efficacy, and demographic factors such as age, educational level, and monthly income. Employing a quantitative approach with a cross-sectional survey design, data were collected via an online questionnaire distributed to 384 working women in the Klang Valley. The data were analyzed using descriptive statistics and multiple regression analysis to determine the influence of the independent variables on retirement readiness. Grounded in the Theory of Planned Behavior, the Propensity to Plan Theory, and the Theory of Risk-Taking and Consumption, the findings reveal that financial stress, financial management practices, and retirement self-efficacy significantly influence retirement readiness, with retirement self-efficacy emerging as the most dominant predictor. Conversely, financial literacy and monthly income do not show a significant influence on retirement readiness. Additionally, age and educational level were found to have a significant negative relationship with retirement readiness. Overall, this study demonstrates that women's retirement readiness can be enhanced through strengthening financial management practices, effectively managing financial stress, and increasing self-efficacy in retirement planning.*

Keywords: *Retirement Readiness, Working Women, Klang Valley, Financial Literacy, Financial Stress, Financial Management Practices, Retirement Self-Efficacy*

Pengenalan

Persaraan merupakan satu peralihan penting dalam kehidupan seseorang, di mana individu berhenti bekerja dan bergantung sepenuhnya kepada simpanan atau sumber pendapatan pasif yang telah dikumpul sepanjang tempoh bekerja. Persaraan ini biasanya berlaku kepada pekerja yang telah berumur, iaitu antara 50 hingga 60 tahun (Yusoff et al., 2024). Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan kewangan untuk persaraan masih berada pada tahap yang rendah dalam kalangan rakyat Malaysia (Anwar, 2023). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, wanita mewakili 45 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja di Malaysia, iaitu kira-kira 7.4 juta daripada 16.4 juta tenaga kerja pada tahun 2023. Peningkatan penglibatan wanita dalam pasaran pekerjaan menunjukkan bahawa golongan ini memainkan peranan yang semakin penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Walaupun bagaimanapun, aspek kesediaan persaraan dalam kalangan wanita masih menjadi isu yang perlu diberi perhatian. Wanita pada masa kini mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi, lebih berdikari dari segi kewangan, dan semakin aktif dalam pelbagai sektor pekerjaan (Lim et al., 2021). Walaupun mempunyai lebih banyak peluang ekonomi berbanding generasi terdahulu, mereka masih berhadapan dengan pelbagai cabaran kewangan seperti peningkatan kos sara hidup, pinjaman pendidikan, dan tanggungjawab kewangan keluarga. Kajian oleh Megat (2026) menunjukkan bahawa wanita yang bekerja cenderung untuk menanggung perbelanjaan keluarga bersama pasangan mereka, sekali gus mengurangkan lebihan pendapatan yang boleh diperuntukkan untuk simpanan persaraan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesediaan persaraan dalam kalangan wanita di Lembah Klang, Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada faktor seperti celik kewangan, tekanan kewangan, amalan pengurusan kewangan, efikasi sendiri persaraan, dan faktor demografi.

Tinjauan Literatur

Konsep Kesediaan Persaraan dan Isu Kewangan Wanita di Malaysia

Kesediaan persaraan ditakrifkan sebagai tahap keyakinan, sikap, dan persediaan menyeluruh individu untuk menghadapi kehidupan selepas tamat tempoh pekerjaan melalui perancangan kewangan dan psikologi yang mencukupi (Othman et al., 2020; Ramli & Shariff, 2023; Zaimah et al., 2023). Di Malaysia, sistem sokongan hari tua berpusat kepada Pencen Perkhidmatan Awam dan akaun caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), disokong oleh instrumen sukarela seperti Skim Persaraan Swasta (PRS) (Utusan, 2021).

Isu ketersediaan dana persaraan wanita menjadi semakin kritikal berikutan transisi demografi Malaysia menuju status negara tua (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Contohnya, populasi wanita di Malaysia mempunyai jangka hayat yang lebih lama iaitu sehingga umur 81.2 tahun berbanding lelaki yang mempunyai jangka hayat 78.4 tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Implikasinya, wanita memerlukan dana simpanan terkumpul yang lebih besar bagi membiayai kelangsungan hidup pasca-pekerjaan yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, statistik KWSP menunjukkan senario membimbangkan di mana 66% pencarum aktif belum mencapai tahap simpanan asas yang disyorkan (Bernama, 2020).

Dalam konteks gender, perancangan persaraan wanita sering dihindar oleh jurang gaji, gangguan kerjaya atas komitmen domestik, serta status perkahwinan (Noh & Zahid, 2021; Rais & Mokhtar, 2024; Sabri et al., 2022). Wanita yang berkahwin cenderung mengalami penurunan penglibatan tenaga kerja selepas usia 30-an akibat tanggungjawab mengurus rumah tangga dan anak, yang secara langsung menjejaskan jumlah simpanan terkumpul mereka (Rais & Mokhtar, 2024). Data tinjauan RinggitPlus turut mendedahkan kekurangan perancangan yang meruncing di mana 47% responden wanita mempunyai tabiat berbelanja secara berlebihan dan 69% daripada mereka hanya mampu bertahan kurang daripada tiga bulan dengan hanya bergantung kepada simpanan sedia ada (Shuib et al., 2023; Suresh & Sieng, 2023).

Celik Kewangan dan Kesediaan Persaraan

Celik kewangan merujuk kepada keupayaan individu memahami, memproses, dan mengurus maklumat kewangan peribadi dengan berkesan (Alba & Hutchinson, 1987; Namreen, 2023). Literasi kewangan ini dibahagikan kepada dua aras, iaitu celik kewangan asas (kemahiran mengira peratusan, faedah kompaun, dan impak inflasi) serta celik kewangan lanjutan (kefahaman operasi pasaran saham, dana amanah, bon, dan pelaburan ekuiti) (Lusardi & Messy, 2023; Schindler & Cardona, 2023).

Kajian terdahulu secara meluas membuktikan bahawa celik kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesediaan persaraan (Ahmad & Fazil, 2021; Baker et al., 2025; Rahim & Ali, 2025). Individu yang celik kewangan didapati mempunyai kebolehan yang lebih tinggi untuk mempelbagaikan risiko pelaburan, merancang perbelanjaan masa hadapan, dan membuat pengiraan simpanan persaraan dengan lebih realistik (Muthia et al., 2021; Ramli et al., 2023). Kajian oleh Abidin et al. (2023) menegaskan bahawa bagi wanita bekerjaya yang masih bujang, literasi kewangan merupakan pemandu utama tingkah laku perancangan persaraan. Sebaliknya, tahap pengetahuan kewangan yang rendah mendedahkan wanita kepada kesilapan pengurusan hutang kos tinggi, penggunaan kad kredit secara berlebihan, dan kerentanan terhadap penipuan produk kewangan (Jaffar et al., 2024; Sabri et al., 2021).

Contohnya, menurut Abdul Malik, Abdul Razak dan Abu Said (2023), wanita yang berpengetahuan kewangan mampu mendapatkan prestasi yang baik dalam bidang belanjawan kewangan, pengurusan hutang, penglibatan dalam pasaran saham, perancangan persaraan, dan pertumbuhan pengumpulan kekayaan. Penekanan diberikan kepada kesejahteraan kewangan wanita dalam memastikan kestabilan kewangan mereka dan sekali gus meningkatkan kekayaan peribadi, memelihara aset mereka melalui perancangan yang sesuai, dan memulakan tahap pencairan harta yang boleh diurus untuk menangani masalah di kemudian hari. Seterusnya, wanita yang mempunyai pemahaman yang baik tentang kewangan dapat membina portfolio mereka dengan memperuntukkan aset mereka mengikut tahap risiko dan pulangan yang berkaitan dengan setiap pelaburan (Mahdzan, et al., 2019). Adalah penting untuk wanita celik kewangan dan kemahiran perancangan kewangan untuk menguruskan situasi yang tidak dijangka, mengendalikan perbelanjaan selaras dengan peningkatan kos sara hidup, mengetahui cara mengendalikan tekanan kewangan harian mereka, dan melakukan pertimbangan yang wajar mengenai kewangan mereka.

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan di Malaysia, didapati bahawa isi rumah diketuai wanita yang mempunyai tahap celik huruf yang lebih tinggi adalah lebih maju dari segi hal kewangan jika dibandingkan dengan isi rumah diketuai wanita yang mempunyai tahap celik huruf yang lebih rendah (Flatø, Muttarak, & Pelsler, 2016). Kajian oleh Rahman dan Othman (2021), merumuskan bahawa pengetahuan kewangan individu dan perancangan kewangan mempunyai pengaruh positif terhadap kesejahteraan kewangan golongan wanita di Malaysia. Justeru, berdasarkan kajian terdahulu ini dapat disimpulkan bahawa celik kewangan dapat mempengaruhi kesediaan persaraan golongan wanita di Malaysia.

Tekanan Kewangan dan Kesediaan Persaraan

Tekanan kewangan merujuk kepada keadaan kebimbangan, kejutan ekonomi, atau ketegangan kognitif-emosi yang dialami individu akibat kesukaran mengurus komitmen kewangan semasa serta menghadapi kecemasan masa hadapan (Fan et al., 2021; Isa et al., 2025; Jamri & Ishak, 2023). Kajian empirikal menunjukkan bahawa tekanan kewangan yang tinggi mempunyai kaitan rapat dengan penurunan produktiviti pekerja dan kemerosotan kesejahteraan hidup secara keseluruhan (Lestari et al., 2024; Sabri et al., 2021).

Kajian terdahulu oleh Lee dan Sabri (2020) menggariskan bahawa pengorbanan pendapatan untuk tujuan penggunaan jangka pendek akibat kos hidup bandar yang tinggi menghalang keupayaan individu untuk membina tabungan jangka panjang. Kajian oleh Zakaria et al. (2021) mendedahkan bahawa sebanyak 46% wanita di Malaysia berhadapan dengan tekanan kewangan yang memberi kesan langsung secara negatif terhadap kapasiti simpanan hari tua mereka. Ketidakseimbangan pendapatan, beban hutang kad kredit, serta tuntutan kos penjagaan anak meningkatkan stres ekonomi dalam kalangan isi rumah wanita bekerja, yang akhirnya memaksa mereka menangguhkan pelan kesediaan persaraan awal (Ramli et al., 2023; Wahab & Abdullah, 2023).

Kajian lepas juga mendapati bahawa wanita merupakan antara kumpulan yang lebih terdedah kepada risiko kemiskinan dan ketidakstabilan kewangan. Di Malaysia, Rahman dan Ramli (2024) mencadangkan tahap pendidikan yang rendah, struktur isi rumah dan peningkatan kos sara hidup merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kerentanan kewangan dalam kalangan wanita. Selain itu, Sabri et al. (2021) melaporkan bahawa kemampuan pemilikan kewangan yang stabil dan kerentanan kewangan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesejahteraan hidup golongan ini. Secara ringkasnya, berdasarkan dapatan kajian

lepas, faktor tekanan kewangan dicadangkan mempengaruhi kesediaan persaraan golongan wanita di Malaysia.

Amalan Pengurusan Kewangan dan Kesediaan Persaraan

Amalan pengurusan kewangan ditakrifkan sebagai tingkah laku berdisiplin individu dalam merancang, mengatur, mengarah, dan mengawal sumber pendapatan bagi memenuhi matlamat kewangan jangka pendek serta jangka panjang (Fan & Henager, 2022; Sabri et al., 2021). Komponen utama amalan ini merangkumi penyediaan belanjawan harian, pengurusan aliran tunai, pengawalan kredit, dan pengumpulan aset melalui pelaburan sistematik (Jaafar et al., 2022; Zaimah et al., 2025).

Penemuan oleh Hosin dan Lazan (2025) serta Baharudin (2026) membuktikan bahawa individu yang mempamerkan tingkah laku pengurusan wang yang sihat mempunyai kecenderungan yang jauh lebih tinggi untuk mencapai tahap kesediaan persaraan yang optimum. Tingkah laku pengurusan seperti mendokumentasikan aliran keluar masuk tunai, mengehadkan penggunaan kad kredit, dan mendapatkan nasihat profesional membolehkan wanita bekerja mempelbagaikan portfolio instrumen pelaburan (seperti unit amanah, bon, dan saham) yang berpotensi memaksimumkan pulangan simpanan hari tua mereka (Lee & Sabri, 2020; Sabri et al., 2021). Oleh itu, amalan pengurusan kewangan yang berkesan dapat membantu meningkatkan tahap kesediaan persaraan melalui pengumpulan aset dan simpanan yang lebih kukuh. Secara keseluruhannya, amalan pengurusan kewangan yang baik adalah faktor penting yang menyumbang kepada kestabilan kewangan dan kejayaan perancangan persaraan, terutamanya dalam kalangan wanita bekerja.

Efikasi Kendiri Persaraan dan Kesediaan Persaraan

Berdasarkan evolusi Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1977, 1986), efikasi sendiri merujuk kepada darjah keyakinan dan kepercayaan dalaman seseorang terhadap keupayaan dirinya untuk melaksanakan tugas spesifik demi mencapai matlamat yang disasarkan. Dalam skop persediaan persaraan, efikasi sendiri persaraan merujuk kepada keyakinan wanita terhadap kebolehan mereka mengendalikan perancangan dana, menstruktur corak masa lapang, mengekalkan gaya hidup sihat, dan mendepani perubahan pasca-pekerjaan (Hairuddin et al., 2021; Jakaria et al., 2020).

Dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa efikasi sendiri kewangan berfungsi sebagai peramal psikologi yang amat kuat terhadap tindakan kewangan yang positif (Ashade et al., 2021; Tien et al., 2022). Individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dikesan lebih bermotivasi untuk mencari maklumat instrumen persaraan, menetapkan sasaran pelaburan yang agresif, dan mengawal tingkah laku berbelanja secara konsisten (Rahman et al., 2021; Ramli et al., 2025). Sebaliknya, kekosongan keyakinan diri (efikasi sendiri rendah) menyebabkan wanita merasa tidak berdaya untuk membuat keputusan pelaburan jangka panjang, sekali gus menjejaskan kestabilan ekonomi mereka pada usia tua (Ali et al., 2021; Harahap et al., 2022). Memiliki pemahaman kewangan yang baik dan efikasi sendiri yang tinggi membolehkan wanita memanfaatkan peluang dan perkhidmatan kewangan yang ada. Ini tidak hanya membantu mereka mencapai kesejahteraan peribadi tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan. Kajian oleh Silva et al. (2023) menekankan bahawa wanita yang berpengetahuan kewangan dapat membuat keputusan yang lebih baik, yang akhirnya meningkatkan kualiti hidup mereka dan memberi impak positif kepada ekonomi negara. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa efikasi sendiri persaraan memainkan

peranan penting dalam memastikan wanita dapat merancang dan mengurus kewangan mereka dengan efektif.

Kerangka Teori Kajian

Kajian ini disandarkan kepada integrasi tiga kerangka teori utama bagi menerangkan kesediaan persaraan wanita secara holistik iaitu Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behavior - TPB*). Dipopularkan oleh Ajzen (1991), teori ini menegaskan bahawa sebarang tingkah laku yang disengajakan dipandu oleh niat, yang dibentuk oleh tiga komponen: sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku persepsi (PBC). Dalam kajian ini, konsep PBC diterjemahkan secara langsung kepada pemboleh ubah efikasi sendiri persaraan. Selain itu, Teori Kecenderungan Merancang (*Propensity to Plan Theory*) juga dijadikan asas. Diketengahkan oleh Hershey et al. (2013), teori ini menjelaskan bahawa perancangan kewangan dipengaruhi oleh orientasi jangka panjang dan kawalan diri individu untuk menterjemahkan pengetahuan menjadi tindakan simpanan sebenar. Akhir sekali ialah Teori Penanggungungan Risiko dan Penggunaan (*Risk-Bearing and Consumption Theory*). Teori ini secara ringkasnya menilai bagaimana individu membuat keputusan penjimatan dan mengimbangi portfolio pelaburan hari tua berdasarkan toleransi mereka terhadap risiko ekonomi seperti inflasi dan kos sara hidup (Browning & Lusardi, 1996).

Metodologi Kajian

Reka Bentuk dan Populasi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas. Pendekatan ini menggabungkan kaedah deskriptif (untuk menilai tahap kesediaan persaraan) dan kaedah korelasi-inferensi (untuk menguji pengaruh pemboleh ubah bebas). Populasi kajian terdiri daripada golongan wanita warganegara Malaysia yang bekerja dalam sektor formal (penjawat awam, sektor swasta, dan bekerja sendiri) di sekitar wilayah metropolitan Lembah Klang. Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), jumlah saiz populasi wanita bekerja yang memenuhi kriteria di Lembah Klang adalah seramai 1,352,200 orang.

Prosedur Pensampelan

Bagi menentukan saiz sampel minimum bagi mewakili populasi berskala besar, formula Cochran (1963) diaplikasikan dan berdasarkan formula tersebut, saiz sampel yang ditetapkan ialah seramai 384 orang responden. Teknik pensampelan purposif diguna pakai bagi menapis responden mengikut kriteria inklusi (warganegara, berumur 18 tahun ke atas, bekerja di Lembah Klang, menetap sekurang-kurangnya setahun, dan berpendapatan sendiri) demi meminimumkan bias pemilihan data.

Pembangunan Instrumen dan Analisis Data

Data primer dikumpul menggunakan borang soal selidik berstruktur atas talian (*Google Form*). Instrumen kajian dibahagikan kepada 6 bahagian utama seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Instrumen Kajian

Bahagian	Konstruk	Jumlah Item	Sumber
1	Maklumat Profil Demografi	8	
2	Celik Kewangan	26	Sabri dan MacDonald (2010)
3	Tekanan Kewangan	8	<i>Incharge Financial Distress/ Financial Well-Being Scale</i> (IFDFW) daripada Prawitz et al. (2006)
4	Amalan Pengurusan Kewangan	10	Sabri et al. (2022)
5	Efikasi Kendiri Persaraan	22	Topa et al. (2018)
6	Kesediaan Persaraan	9	Hershey et al. (2010) Jacobs-Lawson dan Hershey (2005) .

Semua peramal kemudiannya dimasukkan ke dalam persamaan secara serentak untuk membina model awal binaan analisis regresi linear menggunakan model berikut:

$$KP = \beta_0 + \beta_1CK + \beta_2TK + \beta_3APK + \beta_4EKP + \beta_5UM + \beta_6PEND + \beta_7PDPT$$

dimana,

KP = Kesiediaan Persaraan

β_0 = Pemalar

$\beta_1, \beta_2, \beta_3, \beta_4, \beta_5, \beta_6$ dan β_7 = nilai beta bagi peramal untuk setiap pembolehubah

CK = Celik Kewangan

TK = Tekanan Kewangan

APK = Amalan Pengurusan Kewangan

EKP = Efikasi Kendiri Persaraan

Semua data mentah yang dikumpul melalui kerja lapangan dianalisis secara berperingkat menggunakan perisian SPSS versi 26 melalui aplikasi Statistik Deskriptif dan Analisis Regresi Berganda.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Ujian Andaian Model Regresi Berganda

Bagi menjamin anggaran hubungan pekali regresi adalah sah, tidak bias, dan boleh dipercayai, beberapa siri pemeriksaan andaian model telah dilaksanakan mengikut saranan Williams et al. (2013). Pertama, aspek lineariti telah dipenuhi apabila pemeriksaan *scatter plot* mengesahkan corak taburan sisa memenuhi andaian hubungan linear. Bagi memastikan tiada isu multikolineariti, analisis korelasi Pearson terlebih dahulu menunjukkan bahawa korelasi awal antara pemboleh ubah bebas bersandar tidak mencetuskan masalah kolineariti melampau. Seterusnya, melalui semakan Statistik VIF yang mencatatkan nilai di bawah paras 10 serta nilai Toleransi yang berada di atas 0.2, disahkan secara rasmi bahawa model ini tidak mengalami sebarang isu multikolineariti.

Selain itu, kebebasan nilai sisa turut dibuktikan apabila statistik Durbin-Watson mencatatkan nilai 1.634, iaitu berada dalam lingkungan ideal menghampiri nilai 2, sekali gus menunjukkan

andaian bahawa nilai sisa adalah bebas atau tiada masalah autokorelasi telah dipenuhi. Bagi aspek varians sisa malar (*homoscedasticity*), visualisasi plot sisa memaparkan taburan titik data yang rawak dan tidak membentuk sebarang corak corong, yang menandakan andaian *homoscedasticity* adalah dipenuhi.

Walau bagaimanapun, bagi aspek normaliti residual, ujian Shapiro-Wilk bagi kesemua baki pemboleh ubah mencatatkan nilai paras signifikan tertentu yang menunjukkan residual menyimpang daripada taburan normal ideal, justeru pentafsiran data akhir perlu dilaksanakan secara berhati-hati. Akhir sekali, aspek ketiadaan kes berpengaruh ekstrem turut disahkan apabila nilai jarak Cook (*Cook's Distance*) bagi keseluruhan 384 responden mencatatkan nilai di bawah paras standard 1, sekali gus membuktikan tiada kes pencilan (*outliers*) ketara yang mempengaruhi kestabilan model tersebut.

Keputusan Model Regresi Berganda

Analisis regresi berganda mencatatkan nilai pekali kuasa dua R (R^2) = 0.839 . Ini bermakna 83.9% daripada variasi dalam kesediaan persaraan wanita bekerja di Lembah Klang dapat dijelaskan secara signifikan oleh pemboleh ubah bebas (celik kewangan, tekanan kewangan, amalan pengurusan kewangan, efikasi sendiri persaraan, umur, tahap pendidikan, dan pendapatan). Dapatan keputusan ujian ANOVA mencatatkan nilai F -Statistik = 279.065 dengan nilai paras signifikan p = 0.000, menunjukkan model regresi keseluruhan mempunyai kesesuaian (*model fit*) yang sangat baik.

Jadual 2: Pekali Regresi Berganda Kesediaan Persaraan Wanita

Pemboleh Ubah Bebas/ Peramal	Pekali Tidak Piawai (β)	Ralat Piawai	Nilai t	Nilai p
(Pemalar)	0.637	0.211	3.018	0.003
Celik Kewangan (CK)	-0.167	0.153	-1.089	0.277
Tekanan Kewangan (TK)	0.088	0.011	8.161	0.000
Amalan Pengurusan Kewangan (APK)	0.129	0.029	4.431	0.000
Efikasi Kendiri Persaraan (EKP)	0.708	0.029	24.034	0.000
Umur Responden (UM)	-0.051	0.020	-2.519	0.012
Tahap Pendidikan (PEND)	-0.085	0.024	-3.526	0.000
Pendapatan Bulanan (PDPT)	0.041	0.028	1.463	0.144

Nota: Penentuan darjah hubungan adalah signifikan pada aras kriteria paras $p < 0.05$.

Hasil regresi mengesahkan efikasi sendiri persaraan (EKP) mempamerkan hubungan positif yang paling dominan terhadap penentuan tahap kesediaan persaraan wanita bekerjaya di Lembah Klang (β = 0.708, p = 0.000). Penemuan ini menyokong penuh kerangka komponen Kawalan Tingkah Laku Persepsi dalam model TPB Ajzen (1991). Keyakinan psikologi dalaman wanita terhadap keupayaan mengurus masalah kesihatan, menyediakan belanjawan pasca-kerja, dan menstruktur masa lapang bertindak sebagai penggerak utama kesediaan persaraan, mengatasi kepentingan faktor-faktor ekonomi tulen.

Selain itu, Jadual 2 juga menunjukkan bahawa amalan pengurusan kewangan (APK) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kesediaan persaraan ($\beta = 0.129$, $p = 0.000$). Wanita yang mempraktikkan disiplin tunai nyata seperti merekod belanjawan, mengehadkan kad kredit, dan memperuntukkan sebahagian pendapatan bulanan ke dalam tabung hari tua secara konsisten didapati mempunyai kesiapsiagaan yang jauh lebih matang, menyokong hujah Teori Kecenderungan Merancang (Hershey et al., 2013).

Tekanan kewangan (TK) mencatatkan hubungan signifikan yang bernilai positif dengan kesediaan persaraan ($\beta = 0.088$, $p = 0.000$). Dari perspektif kritikal, fenomena metropolitan di Lembah Klang menunjukkan bahawa kewujudan ketegangan ekonomi atau stres inflasi pada tahap sederhana bertindak sebagai pemicu kesedaran (*wake-up call*). Kebimbangan harian terhadap desakan kos sara hidup yang tinggi mendorong wanita bekerjaya untuk mengambil langkah lebih proaktif, mengetatkan perbelanjaan, dan menyemak kecukupan akaun KWSP atau PRS mereka lebih awal demi mengelakkan risiko kemiskinan di usia tua (Rahman et al., 2021).

Dapatan regresi membuktikan celik kewangan (CK) ($\beta = -0.167$, $p = 0.277$) dan pendapatan bulanan (PDPT) ($\beta = 0.041$, $p = 0.144$) tidak mempunyai hubungan signifikan terhadap kesediaan persaraan wanita. Penemuan ini adalah berbeza dengan kajian lepas dan membawa sumbangan baharu dimana pengetahuan teori kewangan serta nilai gaji bersih bulanan yang tinggi tidak secara automatik diterjemahkan kepada kesediaan hari tua sekiranya tiada amalan disiplin wang sebenar, atau apabila lebihan tunai dihabiskan demi memenuhi tuntutan kos sara hidup bandar yang tinggi serta desakan komitmen keluarga yang besar (Zaimah et al., 2023).

Pemboleh ubah umur (UM) ($\beta = -0.051$, $p = 0.012$) dan tahap pendidikan (PEND) ($\beta = -0.085$, $p = 0.000$) menunjukkan hubungan signifikan yang bernilai negatif. Penemuan ini menandakan wanita yang berusia dan berpendidikan tinggi dalam ekosistem Lembah Klang merasa kurang bersedia menghadapi persaraan. Hal ini mungkin berlaku kerana peningkatan umur dan status profesional di kawasan bandar selalunya diiringi oleh lonjakan bebanan liabiliti kemuncak (pinjaman perumahan mewah, kos pengajian universiti anak-anak, kos rawatan ibu bapa yang menua), di samping golongan ini mempunyai jangkaan standard kehidupan hari tua yang jauh lebih tinggi dan kritikal (DeVaney et al., 1995).

Kesimpulan dan Implikasi

Keputusan analisis regresi berganda menunjukkan bahawa secara keseluruhan, pemboleh ubah tekanan kewangan, amalan pengurusan kewangan, dan efikasi sendiri persaraan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan tahap kesediaan persaraan dalam kalangan golongan tersebut. Namun begitu, pemboleh ubah celik kewangan, umur, pendapatan, dan pendidikan bagi kajian ini adalah tidak signifikan secara statistik terhadap tahap kesediaan persaraan dalam kalangan wanita di Lembah Klang.

Dapatan ini menyumbangkan beberapa implikasi praktikal kepada pembuat dasar. Bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), program ketersediaan persaraan serta promosi insentif padanan kerajaan seperti i-Saraan dan i-Suri (Belanjawan 2025) perlu direka bentuk semula dengan memasukkan modul pembangunan efikasi sendiri, seperti simulasi persaraan digital, bagi memupuk tingkah laku menabung yang aktif dan bukannya sekadar penyampaian risalah pasif. Seterusnya, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) disarankan memperkenalkan kursus pengurusan tekanan kewangan bandar khusus untuk melatih golongan wanita bekerja mengimbangi penggunaan kredit serta meminimumkan beban hutang isi rumah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pula perlu merangka program literasi kewangan berasaskan gender yang memberi tumpuan kepada pemantauan portfolio pelaburan masa hadapan bagi wanita sektor formal mahupun yang bekerja sendiri.

Akhir sekali harus dinyatakan bahawa batasan kajian ini terletak pada reka bentuk keratan rentas dan skop geografi yang bertumpu pada kawasan bandar formal sahaja. Oleh itu, kajian masa hadapan disarankan untuk menggunakan pendekatan longitudinal bagi menjejaki dinamika perubahan kesediaan persaraan merentas fasa perkahwinan, serta meluaskan sampel ke kawasan luar bandar bagi membolehkan generalisasi model ramalan yang lebih holistik di seluruh Malaysia.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020-0162-106-02 (FRGS/1/2020/SS01/UPSI/02/01).

Rujukan

- Abidin, Z. Z., Zainuddin, A., & Rahim, M. A. (2023). Financial Literacy and Retirement Planning Behaviour Among Working Single Women in Private Sector. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(6), 1-10. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i6.2389>
- Alba, J. W., & Hutchinson, J. W. (1987). Dimensions of consumer expertise. *Journal of Consumer Research*, 13(4), 411-541.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Ahmad, N. L., & Fazil, N. F. (2021). Pengurusan kewangan dan pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar perakaunan universiti awam. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(1), 99-112.
- Ali, Z. M., Ismail, N. N., Suradi, N. R., Mustafa, Z., & Ismail, M. (2021). Faktor penentu kesejahteraan kewangan dalam kalangan belia Melayu menggunakan pemodelan kuasa dua terkecil separa. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 17(1), 51-64.
- Anwar. (2023, Februari 17). Simpanan persaraan rakyat Malaysia di tahap amat membimbangkan - PM Anwar. *Astro Awani*.
- Baharudin, A. (2026, April 09). Pengurusan Kewangan Berkesan Melalui Amalan Berjimat. *Sekolah Pengajian Siswazah, UPM*.
- Bernama. (2020, September 26). Lebih 50 peratus pencarum KWSP berumur 54 tahun simpan kurang RM50,000. *Astro AWANI*.
- Browning, M., & Lusardi, A. (1996). Household Saving: Micro Theories and Micro Facts. *Journal of Economic Literature*, 34, 1797-1855.
- Cochran, W. G. (1963). *Sampling Techniques* (2nd ed.). New York: John Wiley and Sons, Inc.
- DeVaney, S. A. (1995). Retirement preparation of older and younger baby boomers. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 6, 25-34.
- Fan, L., Stebbins, R., & Kim, K. T. (2021). Skint: Retirement? Financial hardship and retirement planning behaviors. *Journal of Family and Economic Issues*, 43(2), 354-367.
- Fan, L., & Henager, R. (2022). A structural determinants framework for financial well-being. *Journal of Family and Economic Issues*, 43(2), 415-428.
- Flatø, M., Muttarak, R., & Pelsner, A. (2016). Women, weather, and woes: The triangular dynamics of female-headed households, economic vulnerability, and climate variability in South Africa. *World Development*, 90, 41-62 doi:10.1016/j.worlddev.2016.08.015
- Hairuddin, H. M., Yusof, H. M., & Rahman, R. H. (2021). Gaya kepimpinan transformasi dan efikasi sendiri dalam kalangan pemimpin. *Sains Humanika*, 13(2), 23-31.
- Hershey, D. A., Henkens, K., & Dalen, H. P. (2010). Aging and financial planning for retirement: Interdisciplinary influences viewed through a cross-cultural lens. *The International Journal of Aging and Human Development*, 70(1), 1-38.
- Hershey, D. A., Jacobs-Lawson, J. M., & Austin, J. T. (2013). *Effective Financial Planning for Retirement*. New York: Routledge.
- Hosin, H., & Lazan, R. M. (2025). Faktor yang mempengaruhi kesiapsiagaan kewangan individu dalam perancangan persaraan. *Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Laporan Unjuran Populasi Penduduk Malaysia 2010-2040*. Putrajaya: DOSM.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Anggaran Penduduk Semasa dan Jangka Hayat Malaysia 2020-2024*. Putrajaya: DOSM.
- Jacobs-Lawson, J. M., & Hershey, D. A. (2005). Influence of future time perspective, financial knowledge, and financial risk tolerance on retirement saving behaviors. *Financial Services Review*, 14(4), 331-344.

- Jaffar, N., Faizal, S. M., Selamat, Z., & Awaludin, I. S. (2024). Financial literacy and financial well-being of low-income women in Malaysia: a capability view. *Cogent Social Sciences*, 10(1), 1-18.
- Jamri, A. A., & Ishak, S. (2023). Tekanan kewangan dan pengurusan tekanan kewangan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi berasaskan status sosioekonomi. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(2), 164-178.
- Lee, M. P., & Sabri, M. F. (2020). Financial knowledge, financial management practices, financial pressure and financial stability among single female households in Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 25, 131-145.
- Mahdzan, N.S., Zainudin, R., I Abd. Sukor, M.E., Zainir, F., & Wan Ahmad, W.M. (2019). Determinants of Subjective Financial Well-Being Across Three Different Household Income Groups in Malaysia. *Social Indicators Research: An International and Interdisciplinary Journal for Quality-of-Life Measurement*, 146(3), 699-726.
- Megat. (2026, May 03). 60% Wanita Di Malaysia Akui Tanggungjawab Jaga Keluarga Jejaskan Kerjaya dan Kesihatan Diri. Didapatkan dari Ringgit Plus: <https://ringgitplus.com/ms/blog/berita-kewangan-peribadi/60-wanita-di-malaysia-akui-tanggungjawab-jaga-keluarga-jejaskan-kerjaya-dan-kesihatan-diri.html>
- Othman, M. A., Rahim, H. A., & Sabri, M. F. (2020). Persediaan Persaraan dalam Kalangan Pemain Bola sepak Profesional. 24th MACFEA Virtual Seminar 24 (hlm. 176-182). Virtual: MACFEA.
- Prawitz, A. D., Garman, E. T., Benoit, S., & Barbara, O. (2006). InCharge Financial Distress/Financial Well-Being Scale: Development, Administration, and Score Interpretation. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 17(1), 34-50.
- Rahim, H. A., & Ali, S. (2025). Financial literacy and retirement preparedness: A critical review of determinants and policy using Scopus AI analytics. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(9), 9706-9717.
- Rahman, M. M., Isa, C. R., Masud, M. M., & Sarker, M. (2021). The role of financial behaviour, financial literacy, and financial stress in explaining the financial well-being of B40 group in Malaysia. *Future Business Journal*, 7(52), 1-18.
- Rahman, R. A., & Othman, Y. (2021). Cabaran Covid 19: Literasi Kewangan Peribadi Sebagai Penentu Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Usahawan Asnaf Negeri kedah. *International Journal of Muamalat*, 5(1), 89-102.
- Ramli, N. I., & Shariff, N. S. (2023). A study on retirement preparedness and confidence among private sector employees in Malaysia. *Malaysian Journal of Science Health & Technology*, 9, 153-163.
- Ramli, R. A., Syafiqah, I. N., & Ahmad, M. (2024). Work-life balance in the organization. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 3(1), 1-7.
- Ramli, Z., Yusof, N. M., Sum, S. M., & Awang, A. H. (2023). Hubungan pengetahuan dan tingkah laku kewangan dengan perancangan kewangan persaraan dalam kalangan generasi milenial. *Akademika*, 93(1), 373-387.
- Abdul Malik, N. I. S., Abdul Razak, M. R., & Abu Said, A.-M. (2023). The Necessity of Financial Literacy for Women Business Triumph: A Qualitative Study: DOI: <https://doi.org/10.33093/ijomfa.2023.4.2.8>. *International Journal of Management, Finance and Accounting*, 4(2), 161-185. <https://doi.org/10.33093/ijomfa.2023.4.2.8>
- Sabri, M. F., Wijekoon, R., Burhan, N. A., & Rahim, H. A. (2022). Financial literacy, financial behavior, self-efficacy, and financial health among Malaysian households: The mediating role of money attitudes. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11), 2222-6990.

- Schindler, K. A., & Cardona, R. J. (2023). The impact of financial education on teachers' financial knowledge. *Fórum Empresarial*, 28(2), 93-121.
- Shuib, T. R., Setambah, M. A., Othman, M. S., Razalli, A. R., Husin, M. R., Shaffeei, K., & Jamil, M. R. (2023). Faktor-faktor persaraan awal: Tinjauan dalam kalangan guru-guru negeri Perak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(3), 1-15.
- Silva, M. D., Al-Tabbaa, O., & Pinto, J. (2023). Academics engaging in knowledge transfer and co-creation: Push causation and pull effectuation? *Research Policy*, 52 (2), 104668.
- Sundarasan, S., Rajagopalan, U., & Ibrahim, I. (2024). Financial sustainability through literacy and retirement preparedness. *Sustainability*, 16(23), 10692.
- Topa, G., Lunceford, G., & Boyatzis, R. E. (2018). Financial planning for retirement: A psychosocial perspective. *Frontiers in Psychology*, 8(2338), 1-15.
- Williams, M., Grajales, C. A., & Kurkiewicz, D. (2013). Assumptions of multiple regression: Correcting two misconceptions. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 18(11), 1-14.
- Zakaria, S. M., Mohd, R. H., Ibrahim, F., Nor, N. I., & Selamat, M. N. (2021). Kelesuan pandemik: Hubungannya dengan pematuhan SOP, konflik kerjaya-keluarga, tekanan emosi dan risiko fizikal dalam kalangan masyarakat awam Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35(1), 117-129.
- Zaimah, R., Yusof, N. M., Sarmila, M. S., & Awang, A. H. (2023). Hubungan pengetahuan dan tingkah laku kewangan dengan perancangan kewangan persaraan dalam kalangan generasi milenial. *Akademika*, 93(2), 373-387.
- Zaimah, R., Sarmila, M., & Awang, A. H. (2025). The level of financial knowledge among the millennial generation in Kampung Baru, Kuala Lumpur. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 15(2), 1-16.